

**CABARAN DAN SOLUSI GURU OXQC DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
ONLINE**

A) ISU TEKNIKAL

BIL	PERMASALAHAN	TINDAKAN
1	Guru Tangguh kelas	Bagi kes kecemasan seperti kemalangan atau kematian, guru perlu maklum kepada admin dan pelajar serta bincang kelas ganti dengan segera. Kelas Ganti perlu dijalankan pada bulan semasa dan akan dikenakan penalti jika gagal berbuat demikian.
2	Guru jalankan kelas dalam suasana yang tidak kondusif (bising) sehingga mengganggu fokus pelajar	Guru perlu cari tempat yang bebas dari sebarang gangguan bunyi untuk jalankan kelas dan guru juga dilarang buat kelas dalam kereta bagi memastikan kelas berjalan dengan lancar.
3	Guru Tidak buat kelas ganti	Admin akan mengingatkan guru untuk buat kelas ganti dan sekiranya kelas ganti tidak dijalankan, elaun guru akan terjejas.
4	Guru kelihatan tidak bersedia untuk mengajar	Guru perlu buat rujukan berkenaan topik yang akan diajar untuk memastikan pengajaran berjalan dengan lancar tanpa sebarang isu komunikasi (seperti guru menyampaikan fakta yang salah dan sebagainya).
5	Aplikasi/platform yang sesuai untuk jalankan kelas	Guru perlu jalankan kelas berdasarkan kepada aplikasi/platform yang telah dipilih oleh pelajar seperti tercatat di dalam jadual. Install aplikasi yang berkenaan (seperti Zoom / Google Meet), create username dan password serta share link kelas kepada pelajar satu jam sebelum kelas bermula. Guru juga perlu membuka kamera dan melakukan screen sharing sepanjang kelas berlangsung.
6	Platform mana yang paling sesuai untuk guru share whiteboard, annotate dan menjawab latihan on screen bersama pelajar sewaktu kelas tanpa ada sebarang gangguan teknikal?	Guru boleh gunakan Canva dan kongsi link dengan pelajar agar mereka dapat bersama-sama membuat anotasi dan menjawab soalan secara langsung di skrin semasa kelas menggunakan alat yang bersesuaian bagi memastikan interaksi lebih aktif dan pembelajaran lebih menyeronokkan

7	Bila saya guna aplikasi dengan pelajar sewaktu kelas adakah markah tu kena selalu submit untuk penilaian? Dan ke mana saya perlu submit?	Guru perlu submit markah pada 2 Kali kelas pertama sahaja . Copy link google form di bahagian bawah paparan desktop website KAFA smart quiz versi guru then paste on a new tab. Kemudian mainkan game subjek berkaitan dan akhir sekali screenshot total score dan pergi kepada link google form tadi. Guru isi maklumat berbintang merah dan perlu upload balik screenshot total score tadi sebelum tekan button submit.
---	--	--

B) ISU PEDAGOGI UMUM (KELAS KAFA/TUISYEN/QURAN/MENGAJI)

BIL	PERMASALAHAN	TINDAKAN
1	Pelajar Kurang Responsive	Pelbagaikan Teknik Soal Jawab Yang Menarik Seperti : • Soalan Berturutan Dengan Meminta Pelajar Memberi Penerangan Beserta Contoh • Soalan Teka Teki Dengan Meminta Pelajar Meneka Jawapan • Gunakan Pilihan Jawapan Samada A Atau B Dan Sebagainya • Perbanyakkan Latihan secara online (daripada Quizziz, Liveworksheet dan lain-lain). Guru minta pelajar buat Latihan Bersama guru semasa kels berlangsung.
2	Pelajar Boring	• Variasikan Kaedah Pengajaran Melalui Video Pendek, Papan Putih Digital Dan Elemen Penceritaan • Wujudkan Interaksi Secara Kreatif Dengan Pujian Khas Atau Kaedah Bintang/ Markah Jika Pelajar Berjaya Jawab • Take 5 Atau Rehat Sekejap (5 Minit) Selepas Selesai Setiap Subtopik
3	Guru keliru berkenaan jadual (pakej) Guru boleh dapatkan padlet kepada guru dan minta guru baca dengan teliti setiap item yang tertera terutama tatacara perkongsian module kepada pelajar.	Guru perlu rujuk admin untuk mendapatkan penerangan yang detail berkenaan jadual guru.

4	Adakah guru perlu bincang syllabus dan progress pelajar dengan ibubapa sebelum mula kelas pertama?	Guru wajib bincang syllabus dan progress pelajar dengan parents melalui mesej pengenalan yang dihantar 3 hari sebelum mula kelas pertama bagi semua pelajar baru bagi memastikan kelancaran perjalanan kelas dari sudut teknikal dan pedagogi.
5	Di mana guru boleh dapatakan module pengajaran yang perlu dikongsi kepada pelajar, silibus serta teaching plan?	Guru boleh dapatkan modul pengajaran, silibus serta teaching plan daripada padlet dengan menekan butang group icon wasap Guru OXQC. Guru perlu membaca dengan teliti setiap item yang tertera terutama tatacara perkongsian modul pengajaran kepada pelajar.
6	Bagaimana untuk bina soalan pre test dan post test?	Guru perlu berbincang dengan ibubapa subjek /aspek yang pelajar lemah melalui mesej pengenalan diri untuk menentukan topik/subtopik pembelajaran. Kemudian sediakan soalan pre test berdasarkan subtopik tersebut. Sebelum mula mengajar, share screen soalan pre test dan minta pelajar jawab. Seterusnya guru beri penerangan berdasarkan hasil pre test, serta jalankan post test menggunakan soalan yang sama dengan pre test tadi untuk uji tahap kefahaman pelajar terhadap pengajaran yang telah dibincangkan.
7	Pelajar kurang fokus, dan tidak pernah buka camera yang menyukarkan guru untuk berinteraksi dan menilai tahap kefahaman pelajar.	Guru boleh mint admin untuk beritahu kepada parents supaya pelajar on kan kamera sewaktu kelas dengan guru untuk memudahkan komunikasi dan memastikan kelancaran kelas serta membantu untuk meningkatkan fokus sewaktu kelas.

C) ISU PEDAGOGI KHUSUS (KELAS KAFA)

BIL	PERMASALAHAN	TINDAKAN
1	Pelajar Kurang Mahir Menulis Jawi	Fokus Dan Banyakkan Latih Tubi Kategori Huruf Bersambung Dan Tak Bersambung
2	Pelajar Kurang Mahir Membaca Jawi	Fokus Kepada Padanan Huruf Rumi- Jawi Dan Suku Kata Terbuka Tertutup
3	Teknik Mengajar Kelas hafazan	Guru Guna Apps Kafa SMART dan : • 10 mins pertama: Mainkan Audio Qori serta bincang intipati surah dan hukum Tajwid secara ringkas. • 10 mins kedua: Minta Student Hafal Dan Tasmik • 10 mins terakhir: Akhiri Dengan Quiz Hafazan.
4	Teknik Meningkatkan Keupayaan Hafazan Pelajar	Guru Buat Kuiz (contoh: Surah al-Kafirun) Spt Isi Tempat Kosong, Sambung Ayat Dan Bincang Terjemahan Ayat Untuk Bagi Hafazan Lebih Berkesan
5	Teknik Mengajar Kelas Hafazan (Pelajar Tadika)	Guru Fokus tahsin surah Al-fatihah diikuti surah al-Nas al-Falaq dan al-Ikhlas dari sudut makhraj dan panjang pendek.
6	Teknik Mengajar Topik Solat (Teori dan Praktikal)	Terangkan berkenaan pembahagian rukun solat secara terperinci. Bagi rukun fi'liyah, guru tunjukkan aspek praktikal kepada pelajar melalui video di youtube. Guru boleh demonstratekan kepada pelajar takbiratul ihram, I,tidal dan sebagainya yang sesuai ketika kelas berlangsung dan minta pelajar untuk ulang.
7	Pelajar keliru antara Huruf Hijaiyyah dan Huruf Jawi	Terangkan perbezaan huruf hijaiyyah dan huruf jawi. Guru perlu beritahu huruf Tunggal (huruf alif, bukan huruf a, huruf jim bukan huruf ja, huruf mim, bukan huruf ma) dan sebagainya.
8	Syllabus UPKK dan PSRA mana yang perlu diutamakan?	Guru perlu fokuskan syllabus UPKK berbanding PSRA kerana pelajar akan menduduki peperiksaan UPKK terkebih dahulu pada tahun 5 sebelum menempuh peperiksaan PSRA pada tahun 6.
9	Perlu mengajar topik ikut syllabus ke?	Ya, guru perlu mengajar berpandukan syllabus dan juga perlu jalankan pre test and post test kepada pelajar seperti yang telah diterangkan dalam sesi training.
10	Modul JAIS (PSRA) tidak disediakan ke?	Guru perlu sediakan sendiri nota/slide/modul dengan merujuk kepada e book dalam modul

		pengajaran (JAIS & JAINJ) sehingga pihak OXQC selesai membuat modul JAKIM sepenuhnya.
11	Pakej KAFA Premium bagaimana?	KAFA premium ialah kelas KAFA 1 jam dan kelas Tuition 30 minit. Dalam jadual di column pakej akan ditulis Kafa Premium (KAFA) bagi kelas KAFA dan Kafa Premium (Tuition beserta Subjek) bagi Kelas Tuition. Guru perlu mengajar subjek KAFA yang telah ditentukan melalui perbincangan dalam mesej pengenalan dengan parents
12	Adakah guru perlu sediakan modul/slide sendiri atau guru boleh share screen e book (JAIS & JAINJ) secara langsung Ketika kelas?	Guru sangat digalakkan untuk menyediakan nota/slide berpandukan e book yang telah disediakan untuk pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan kreatif.
13	Student boleh baca teks jawi dengan lancar tetapi parents minta guru mengajar bermula tajuk basic. Apa guru perlu buat?	Guru boleh beri latihan untuk tajuk basic kepada student. Boleh pindah tajuk seterusnya jika student dapat jawab dengan baik.
14	Boleh ke guna silibus hafazan JAKIM untuk pelajar SRA MAIWP?	Guru perlu semak turutan surah yang mungkin berbeza antara dua syllabus tersebut. Ada kemungkinan surah tertentu yang didahulukan atau dikemudiankan.
15	Kaedah Pengajaran Slow Learner	Perlu pelbagaikan kaedah pengajaran berbentuk Visual , seperti Kad imbas digital bergambar (huruf hijaiyah, dan huruf Jawi), berbentuk Auditori seperti mainkan Lagu huruf hijaiyah di Youtube, berbentuk Interaktif & Kinestetik seperti game Puzzle visual (susun huruf dalam perkataan Jawi) dan sebagainya yang boleh dipraktikkan dalam kelas berdasarkan kesesuaian subjek dan topik.
16	Kaedah pengajaran kelas Hafazan bagi surah yang tidak disediakan dalam Apps KAFA Smart.	Guru boleh talaqqi secara langsung dengan pelajar bagi mana-mana surah yang tiada dalam Apps KAFA by screen sharing petikan surah berserta guru annotate bahagian yang perlu di baca dengung, panjang dua harakat dan sebagainya, atau perdengarkan bacaan surah kepada pelajar via YouTube dan guru beri penerangan.
17	Adakah dibolehkan menggunakan quiz online daripada sumber lain jika ada isu ketika buka Apps KAFA Smart (Apps masih loading sampai habis kelas)?	Guru dibenarkan untuk menggunakan sumber lain seperti share link wordwall / quizziz kepada pelajar sewaktu kelas jika laptop guru low spec dan unsupportive for Apps KAFA Smart.
18	Kaedah pengajaran bagi pelajar yang akan menduduki peperiksaan percubaan UPKK	Guru mengulangkaji soalan peperiksaan tahun yang lepas dengan pelajar berpandukan flow kelas Gerak

		Gempur (6 Steps) yang telah diterangkan semasa sesi training.
19	Kaedah mengajar kelas jawi Syllabus Jais	Guru sediakan modul/slide dengan merujuk e book yg telah disediakan dalam google drive beserta soalan pre untuk pelajar jawab. Kemudian guru bagi penerangan berdasarkan hasil pre test pelajar.
20	Pembahagian masa mengajar untuk kelas Hafazan. (45 minit KAFA & 15 Minit Hafazan)	Guru Guna Apps Kafa SMART dan : • 8 mins pertama: Mainkan Audio Qori serta bincang intipati surah dan hukum Tajwid secara ringkas. • 7 mins kedua: Minta Student Hafal Dan Tasmik
21	Pelajar lemah jawi boleh ke dahulukan mengajar subjek lain, kemudian baru Jawi?	Guru wajib dahulukan mengajar subjek yang student paling lemah seperti yang diterangkan dalam training.
22	Pelajar baru lepas trial UPKK. Banyak subjek dapat A kecuali beberapa sahaja yang dapat B. Jadi guru perlu ajar macam mana?	Guru fokuskan ajar / ulangkaji subjek yang student skor B mengikut flow Gerak gempur yang telah diterangkan semasa training.
23	Kaedah pengajaran student ADHD (tahun 3) yang nak fokus membaca jawi. Perlu guna modul mana?	Guru boleh cuba gunakan modul Jawi tahun 2 dahulu kerana pelajar berkeperluan khas memerlukan silibus dan pendektan yang berbeza Guru perlu menerangkan huruf jawi secara berperingkat menggunakan kod berwarna bagi membezakan huruf bersambung dan tidak bersambung, serta gunakan platform seperti Wordwall, Quizziz atau Kahoot untuk aktiviti membaca perkataan mudah.
24	Antara subjek tauhid dan ibadah, guru perlu utamakan subjek yang mana dahulu?	Guru perlu berbincang dengan parents antara 2 subjek tersebut yang mana paling lemah kemudian guru mengajar mengikut turutan topik, sediakan soalan pre test dan post test seperti yang diterangkan semasa training.
25	Kaedah Pengajaran pelajar lemah membaca jawi yang melibatkan perkataan kompleks.	Guru fokuskan topik tiga suku dan ke atas, serta topik kata imbuhan, awalan, apitan dan akhiran.
26	7 subjek KAFA bagaimana nak bahagi dengan kelas selama 6 bulan ?	Guru bincang dengan ibubapa dan kelnalpasti subjek yang pelajar paling lemah di antara 7 subjek KAFA yg OXQC provide serta utamakan subjek yg paling lemah terlebih dahulu. Guru boleh refer kpd silibus dan teaching plan yang telah disediakan utk flow pengajaran kelas.
27	Adakah subjek ibadah dan akidah digabungkan dalam satu kertas (ulum syariah)? Boleh ke guru bincang soalan format lama?	Ulm syariah silibus lama. Silibus baru UPKK subjek akidah dan ibadah telah diasingkan. Guru boleh bincang soalan format yang lama, tetapi perlu utamakan perbincangan soalan mengikut format yang terbaru untuk selarakan

		dengan silibus semasa dan membiasakan pelajar dengan format soalan terkini dan teknik menjawab yang berkesan.
28	Boleh ke gunakan silibus Jakim untuk mengajar pelajar guna kafa dari Sabah?	Guru boleh minta parents kongsi gambar muka depan buku teks untuk menentukan silibus sebenar yang pelajar guna di sekolah.
29	Pelajar lemah jawi dan bahasa Arab. Guru perlu fokus yang mana dulu?	Guru fokuskan Jawi dahulu kemudian bahasa Arab. Pastikan pelajar daptt mengenal huruf Jawi tunggal dengan baik. Kemudian, pergi kepada suku kata jika pelajar lemah membaca. Fokus tajuk huruf bersambung dan tidak bersambung jika pelajar lemah menulis jawi. Jika pelajar telah menguasai Jawi, baru pindah subjek Arab.
30	Kelas KAFA Onpay setengah jam, boleh ke kalau guru bincang ulangkaji dan buat latihan dalam Apps KAFA Learn dan KAFA Smart sahaja?	Guru boleh buat ulangkaji ringkas di KAFA Learn kemudian bincang soalan di KAFA Learn dan KAFA SMART.
31	Guru perlu buat pre test jugak ke untuk kelas KAFA Intensif?	Guru tidak perlu buat pre test. Boleh terus bincang soalan peperiksaan mengikut flow Gerak gempur yang telah diterangkan semasa training
32	Pelajar daftar pakej KAFA 6 bulan. Pelajar lemah jawi dan ibu juga nak anak diajar hafazan surah surah dalam solat (4 surah utama pelajar sudah hafal) adakah iqra' termasuk dalam pakej?	Iqra tidak termasuk dalam pakej. Pelajar boleh tukar kepada pakej kafa Pro untuk fokuskan hafazan surah surah lain dalam juzuk 30.
33	Kaedah pengajaran membaca jawi untuk tahun pelajar tahun 3	Guru boleh mulakan topik tahun 2 dahulu untuk pastikan pelajar sudah dapat bezakan huruf jawi Tunggal dan huurf hijaiyyah sebelum proceed kepada topik suku kata terbuka dan tertutup.
34	Untuk pelajar upkk, tahun 5 dan tak mahir bahasa arab macam mana ya? Banyak sangat perkataan yang pelajar tidak tahu.	Untuk meningkatkan tahap penguasaan pelajar tahun 5 dengan efektif, guru perlu berbincang soalan peperiksaan tahun lepas dengan pelajar. Mulakan perbincangan dengan soalan yang memperuntukkan markah yang paling banyak. Kemudian guru guide pelajar dan bagitahu key word (Apa kehendak) soalan. Biasakan pelajar dengan teknik menjawab yang berkesan.
35	Bagaimana kaedah pengajaran untuk persediaan pelajar masuk ke tingkatan 1 yang nak belajar basic?	Guru perlu confirmkan subjek mana yang parents nak fokuskan terlebih dahulu dan boleh mulakan pengajaran menggunakan module tahap 2.
36	Fokus topik Bahasa Arab dan Hafazan bagi pelajar yang telah tamat UPKK	Bahasa arab: Ulang semula konsep asas isim, Fi'il dan Huruf serta fokuskan pada jumlah ismiyyah dan fi'liyyah

37	Pelajar tahun 5. Guru perlu adakan ulangkaji subjek KAFA mulai topik tahun 1-5 atau topik dari tahun 3-5 sahaja?	Guru boleh ulangkaji subjek KAFA tahap 2 secara topikal kerana perbincangan silibus tahap 2 lebih mendalam dan hampir kepada peperiksaan UPKK memandangkan silibus tahap 1 hanya melibatkan perkara asas yang biasanya pelajar telah kuasai.
38	Kaedah pengajaran Jawi, boleh ke ajar membaca dan menulis jawi serentak?	Guru perlu fokuskan kepada membaca jawi dulu kerana dalam pembacaan jawi ada elemen pegecaman huruf dan gabungan suku kata . Bila pelajar dah mahir membaca jawi, lebih mudah untuk pelajar kuasai penulisan jawi kerana sudah mampu mengingat bentuk huruf dan sambungan huruf dengan baik .
39	Pelajar keliru untuk mengeja e pepet sebab dalam jawi tak ada huruf e pepet	Guru boleh tekankan cara sebutan e pepet tu muka masam, (emak, emas) yang dieja dgn alif sahaja dalam jawi, e taling muka senyum (ekor, epal) dieja dengan alif dan ya dalam jawi. Gunakan Apps Smart Jawi Oxqc untuk membantu pelajar menguasai asas pembacaan jawi dengan lebih berkesan dan menyeronokkan.
40	Pelajar Darjah 5 dan masih belum kuasai huruf tunggal Jawi dengan baik. Ibu bapa minta guru guide Jawi dan Bahasa Arab. Perlukah guru mengajar silibus darjah 5 mulakan semula dengan asas Jawi supaya dia boleh membaca dengan lancar dahulu? Guru risau jika fokus pada asas sahaja, nanti pelajar akan ketinggalan silibus semasa yang penting dan akan menduduki UPKK tidak lama lagi.	Guru perlu pastikan pelajar kuasai asas membaca jawi dan menulis jawi dahulu sbb pelajar perlu jawab semua exam upkk dalam jawi . Untuk permulaan fokuskan pada pembacaan jawi dahulu bermula huruf tunggal jawi, huruf vokal jawi, bunyi huruf vokal dan suku kata . Kemudian, penulisan jawi sbb bila pelajar dah mampu baca jawi dengan baik, lebih mudah utk dia tulis jawi sebab sudah mahir pengecaman huruf dan bentuk huruf bersambung . Gunakan Apps smart jawi oxqc secara optimumly untuk bantu pelajar kuasai asas membaca dan menulis jawi dalam tempoh yang lebih singkat dan berkesan . Bila pelajar dah kuasai asas Jawi dengan baik , boleh fokuskan kepada topik semasa Jawi dan bahasa Arab .
41	Tips untuk bantu pelajar upkk habiskan silibus/ulangkaji all topic before exam	Guru boleh bincangkan soalan peperiksaan upkk tahun2 yang lepas ikut flow gerak gempur . Ulangkaji semula tajuk yang pelajar masih belum kuasai lagi. Guru juga boleh cadangkan kepada ibu bapa untuk tambah pakej kelas jika guru tidak sempat untuk catch up sillibus.
42	Bagaimana kelas Non Exam Based?	Guru boleh fokuskan perbincangan subjek Ibadah, Akidah, Sirah dan Adab yang melibatkan aspek fardhu ain dan akhlak dahulu berbanding subjek lain.
43	Subjek hafazan & imlak ada tak dalam pakej kafa? Module sirah tahun 1 OXQC selari tak dengan buku teks JAKIM?	Subjek Imlak tidak disediakan dalam pakej KAFA OXQC. Subjek hafazan ada disediakan dalam pakej KAFA Pro. Module Oxqc sememangnya

		selari dengan buku teks JAKIM kerana ianya dibina berpandukan buku teks yang sama.
44	Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam tahun 1 pelajar autism. Pelajar dah menguasai huruf hijaiyyah baris atas, guru perlu ajar kenal baris dulu atau ikut silibus topik huruf bersambung?	Guru fokus dahulu pada penguasaan huruf berbaris (fathah, kasrah, dhammah, tanwin) sebelum bergerak ke huruf bersambung supaya pelajar rasa yakin dan mengelakkan kekeliruan. Bila asas baris sudah mantap, barulah diperkenalkan huruf bersambung secara berperingkat
45	1) Pelajar boleh baca jawi tapi masih sangkut2 . jadi apa kaedah untuk tingkatkan kemahiran bacaan jawi ? 2) Kaedah yang sesuai bagi pelajar yang sukar membaca ayat jawi yang kompleks	1) Guru perlu fokuskan suku kata secara berperingkat. Mulakan dengan perkataan satu dan dua suku kata dahulu. Jika pelajar dah mahir, boleh pindah perkataan tiga suku kata Dan seterusnya. 2) Guru highlight dulu perkataan yg kompleks dari kata pinjaman bahasa Arab dan Inggeris seperti (generasi, ekonomi, musyawarah, dsb) dan minta pelajar sebut perkataan berulang kali sblm minta dia baca teks jawi secara keseluruhan.
46	Pelajar tahun 5. Belajar silibus JAINJ tapi akan ambil UPKK tahun ini. Guru tanya perlu cover semua subjek bermula tahun 1 atau bagaimana?	Guru fokuskan subjek kritikal seperti bahasa Arab, Jawi dan Sirah tahun 5 sebagai core content. Kemudian selitkan ringkasan asas Tahun 3–4 bila ada kaitan. Seterusnya bincang soalan percubaan UPKK tahun yang terdahulu secara berperingkat contoh: Jawi minggu pertama, bahasa Arab minggu kedua dsb. Guru kenal pasti kelemahan, kemudian ulangkaji topik berkaitan dengan membuat nota ringkas, peta minda, atau kuiz interaktif untuk menguatkan kefahaman. Kemudian guru bincang soalan sebenar UPKK dan kongsi teknik menjawab (kata kunci, format jawapan dan sebagainya) .
47	Perlu ke guru bagitahu parents silibus/Modul JAIM/JHEAINS dan selain JAKIM/JAIS/JAINJ pihak OXQC takde sediakan PDF?	Guru tidak perlu beritahu mengenai ketiadaan module/silibus tersebut unless ditanya. Guru boleh request parents snap topik pembelajaran utk create slide perbincangan dalam kelas. Guru boleh refer silibus JAKIM sebagai alternative kerana semua silibus KAFA di Malaysia memang berasaskan kerangka yang disediakan oleh JAKIM. Silibus KAFA negeri-negeri kemudiannya menyesuaikan atau menambah modul mengikut keperluan masing-masing, tetapi asasnya tetap berpandukan silibus KAFA JAKIM.

48	Keliru dengan silibus JAIS, JAKIM & JHEAINS	Buku teks JAIS hanya digunakan untuk sekolah agama di Selangor sahaja. Buku Teks JAKIM pula di seluruh Malaysia. Manakala utk JHEAINS , ada dua negeri yang guna singkatan nama yang sama, perlu tentukan samada dari Negeri Sembilan atau Sabah , dengan meminta ibubapa snap gambar muka depan buku teks anak mereka.
49	Kaedah untuk pelajar yang lemah membaca dan memahami arahan dalam tulisan jawi	1. Guru perlu Highlight Kata Kunci dengan mewarna/menggaris pada soalan (contoh: تولیس, باجا, جواف) untuk melatih pelajar mengenal kata arahan utama tanpa perlu menyalin ke Rumi. 2. Sertakan ikon atau gambar kecil bersama arahan Jawi. Contoh: Arahan تولیس disertakan dengan ikon pensel untuk membantu pelajar kaitkan tulisan Jawi dengan visual. 3. Mulakan dengan soalan pendek dalam Jawi (3-4 perkataan). 4. Gunakan aplikasi seperti Kahoot/Canva dan minta pelajar buat aktiviti drag & drop padanan perkataan Jawi dengan gambar: تولیس → gambar menulis, باجا → gambar membaca

D) ISU PEDAGOGI KHUSUS (KELAS TUISYEN)

BIL	PERMASALAHAN	TINDAKAN
1	Perlu mengajar topik ikut syllabus ke?	Ya, guru perlu mengajar berpandukan syllabus dan juga perlu jalankan pre test and post test kepada pelajar seperti yg telah diterangkan dalam sesi training.
2	Cara mengajar English (Writing) & BM (Penulisan)	Guru cari satu topik dan minta pelajar baca. Perbetulkan pronunciation dan cari verb (kata kerja) dan nouns (kata nama) yang ada. Kemudian bincangkan synonymous word,(perkataan seerti) tenses, active dan passive voice (ayat aktif dan ayat pasif) yang terdapat dalam petikan. Perbanyakkan kosa kata. Seterusnya guru bantu pelajar buat ayat ringkas (3 perkataan) seperti the house is big, the flower is beautiful, dan the room is spacious. Cikgu tulis di screen, dan minta pelajar salin dan hantar kepada guru melalui wasap untuk cikgu semak.
3	Kaedah pengajaran Matematik	Guru perlu pastikan asas matematik (tambah tolak darab dan bahagi) pelajar dah kuasai sepenuhnya. Pastikan sifir student sudah betul2

		hafal supaya senang faham topik yang selanjutnya (pecahan/perpuluhan).
4	Guru agak frustrated sebab student banyak main. Bila bagi kuiz Matematik mesti jawab salah. Apa yang boleh guru lakukan untuk atasi cabaran ini?	Guru perlu bersikap lebih tegas dengan pelajar dan boleh cuba ajak pelajar main game di Math Run Apps by OXQC sebelum mula belajar.
5	Kaedah pengajaran Untuk year 1 writing For 1 hour class	Guru cari satu topik dan minta pelajar baca. Perbetulkan pronounciation dan cari verb (kata kerja) dan nouns (kata nama) yang ada. Seterusnya guru bantu pelajar buat ayat ringkas (3 perkataan) seperti the house is big, the flower is beautiful, dan the room is spacious. Cikgu tulis di screen, dan minta pelajar salin. Guru juga boleh gunakan pendekatan baru yang lebih menarik dan interaktif seperti guna kad warni warni dan kaitkan dengan minat dan pengalaman pelajar contoh : What animal do you like? What did you eat yesterday?" supaya pelajar lebih fokus kerana ianya dekat dengan hati mereka. Seterusnya guru bantu pelajar buat ayat ringkas (3 perkataan) seperti the house is big, the flower is beautiful, dan the room is spacious. Cikgu tulis di screen, dan minta pelajar salin dan hantar kepada guru melalui wasap untuk cikgu Semak
6	Untuk kelas 3M, adakah guru perlu mengajar ketiga-tiga subjek (BM, BI dan Matematik) dalam satu minggu dan perlu gabungkan ketiga-tiga kemahiran membaca, menulis mengira dalam satu sesi PdPc ke?	Guru boleh fokuskan satu subjek pada satu kelas dan selang selikan subjek antara minggu, contoh: BM- membaca & menulis (W1) BI - membaca & menulis (W2) Math - Mengira dan menulis (W3)
7	Kaedah pengajaran bahasa Melayu komunikasi yang memfokuskan kepada perbualan harian.	Guru senaraikan kosakata khusus di pasar, di sekolah, di pasar raya dan di restoran Kemudian Guru dan pelajar bina dialog dan lakonkan.
8	Cadangan supaya pelajar sentiasa ingat apa yang guru pernah ajar bagi subjek matematik?	Guru bagi pelajar homework dan bincang dulu homework sebelum masuk topik baru untuk mengukuhkan kefahaman dan ingatan pelajar.
9	Cadangan topik menarik subjek English dan Matematik bagi pelajar 5- 7 tahun	Guru boleh tentukan tema pengajaran untuk setiap minggu bagi subjek math Dan English seperti Animals week, fruits week, my family week. kelas English: murid padankan bunyi haiwan dengan huruf awal haiwan (c for cat, d

		for dog). kelas Math :kira jumlah haiwan dalam gambar : 3 cats + 2 cats =?
10	Kaedah pengajaran matematik tahun 2 lemah membaca. Guru perlu adakan slot membaca dan mengeja juga ke setiap kali kelas?	Guru tidak perlu mengajar kelas membaca penuh setiap kali kelas . Guru perlu selitkan bacaan nombor dan arahan ringkas seperti (cari hasil tambah, cari hasil tolak, kira jumlah berikut dan sebagainya) . Gabungkan bacaan nombor dalam angka dan perkataan secara konsisten supaya pelajar dapat kuasai dua kemahiran serentak: matematik dan Kemahiran membaca. Banyakkan game suaikan nombor dan perkataan dan permainan padankan symbol dengan perkataan .
11	Kaedah Pengajaran English (reading) bagi pelajar disleksia berumur 6 tahun	Guru perlu pastikan pelajar mengenal huruf dan menguasai phonic dengan baik . Kemudian perkenalkan concrete words (perkataan yang boleh digambarkan spt book, cat, sun dog) dan sight words (perkataan yang kerap muncul dalam teks spt a, the, is, you). Perlu buat aktiviti multisensory kerap dan berulang melalui lexy apps dan sebagainya bagi membantu pelajar cepat faham.
12	Kaedah Pengajaran pelajar Mild Autism	1. Jika pelajar dah mengenal huruf konsonan Dan vokal dengan baik , guru boleh perkenalkan perkataan 2 suku kata seperti mata, buku, baju dan lain-lain melalui gambar . 2. Kaitkan dengan minat pelajar sebab kebiasaannya pelajar autism ada special interest. Jika pelajar minat haiwan, gunakan perkataan berkaitan haiwan untuk membaca supaya dapat menarik minat dan membantu pelajar lebih focus.
13	Pelajar masih lemah tajuk nilai digit@ tempat. Adakah guru perlu ulangkaji balik topik asas nilai tempat daripada mula?	Ya guru perlu guide topik asas nilai tempat secara bertahap . 1) Kukuhkan konsep nilai tempat (sa, puluh, ratus). Gunakan warna berbeza utk setiap nilai tempat dan minta pelajar tulis nombor ikut warna supaya dia nampak struktur. 2) Latihan tambah 1 digit dahulu, Gabung ke 2 digit (nombor puluh) dan Bila jumlah lebih 9, tunjuk dengan blok atau garis nombor. Contoh: $8 + 7 = 15 \rightarrow$ tulis 5 di rumah sa, "bawa 1" ke rumah puluh. Pelbagaikan bentuk soalan : tanpa bawa nombor, dengan bawa nombor, nombor kecil, nombor besar untuk melatih fleksibiliti dan mengelak pelajar bosan.
14	Kaedah Pengajaran pelajar mild autsim yang kurang fokus dan keyakinan menjawab soalan (Matematik) . Macam mana nk tarik perhatian pelajar tersebut?	Guru pecahkan latihan kepada soalan kecil (contoh: 3 soalan sahaja setiap sesi). Boleh mainkan game menerusi apps math Run, Prodigy Math Game , Mathigon Polypad, Toy Theater atau Kahoot supaya pelajar rasa

		seperti bermain, bukan “dipaksa buat kerja. Bagi tepukan dan pujian jika dia dapat jawab dengan betul untuk tingkatan keyakinan diri. Beri pelajar pilihan: “Nak jawab soalan tambah dulu atau tolak dulu? Untuk mengurangkan keinginan mengelat dan beri rasa kawalan terhadap pelajar. Fokuskan 10–15 minit sahaja setiap sesi, tetapi perlu konsisten. Fokus pada rutin, bukan jumlah soalan, kerana murid mild austim lebih terikat kepada rutin dan minat yang sangat terhad dan kaitkan perbincangan dengan minat pelajar, Contoh: “Ada 3 kucing, datang lagi 2. Berapa jumlah kucing?” untuk create rasa teruja pelajar.
--	--	--

E) ISU PEDAGOGI KHUSUS (KELAS QURAN/MENGAJI)

BIL	PERMASALAHAN	TINDAKAN
1	Pelajar Kurang Mahir Baca Quran	Rujuk Asas Qurani Jilid 1 & Jilid 2 Bergantung Kepada Tahap Pelajar.
2	Pelajar belum mengenal huruf hijaiyyah yang bersambung dengan baik.	Guru bantu pelajar untuk ulangkaji asas Qurani jilid 1 bab 6. Seterusnya minta pelajar buat kuiz/Latihan seperti isi tempat kosong sambung ayat dan sebagainya.
3	Parents minta guru ulang balik ajar students (mengaji quran besar) dari awal - perlu ulang dari Juz 1 Atau Juz 30?	Guru perlu berbincang dengan parents samada nak ulang dari al-Baqarah (juzuk 1) - al-Naas (juzuk 30) atau dari al-Naas (juzuk 30) dahulu dan juzuk 1-29 kemudian.
4	Kaedah Pengajaran Iqra (Kelas 30 minit) untuk pelajar darjah 1.	Perkenalkan Asas Qurani yang lengkap dengan teori, latihan dan bacaan surah2 juzuk 30 yang sangat praktikal utk digunakan dalam kelas Quran kepada parents. Kemudian guru selaraskan tajuk iqra' dengan tajuk Asas Qurani.
5	Bacaan pelajar lemah, tidak dapat membezakan bacaan Panjang (2 harakat) dan pendek, tidak cekap dalam peralihan huruf hijaiyyah dan pelajar menunjukkan reaksi “kurang senang” apabila ditegur.	Guru boleh menggunakan pendekatan psikologi dengan memberitahu pelajar bahawa lagi tinggi surah, lagi susah jika bacaannya tidak diperbetulkan daripada sekarang. Beritahu juga keperluan untuk membincangkan semula tajuk yang terdahulu supaya pelajar boleh mengaji dengan lebih mudah dan lancar. Kemudian guru bantu pelajar mengulangkaji semula tajuk mad Asli pada Asas Qurani 8 menerusi screen sharing sewaktu kelas.

		Terangkan kepada pelajar jika ada huruf alif selepas baris atas, perlu dibaca 2 harakat. Jika ada huruf wau selepas baris depan pun dibaca 2 harakat. Begitu juga jika ada huruf ya selepas baris bawah juga dibaca dua harakat. Kemudian, beri pujian jika pelajar dapat membaca dengan baik supaya pelajar merasa lebih bersemangat untuk mengaji.
6	Kaedah pengajaran bagi pelajar yang belum mahir bacaan huruf bersambung.	Guru mesti banyakkkan ulangkaji bentuk huruf bersambung dan latihan huruf bersambung pada asas Qurani 5. Pastikan student sudah mahir huruf bersambung sebelum pindah kepada bacaan lain.
7	Pelajar mengaji iqra 3 di sekolah. Untuk kelas pertama perlu proceed dengan iqra 3 atau asas qurani terus?	Guru boleh proceed dulu iqra 3 Dan ulangkaji semula part yang pelajar lemah dengan asas Qurani yang ada teori dan tadrib utk mantapkan lagi penguasaan pelajar.
8	Student ada mild autism. Bila tak dapat baca, dia akan menangis dan agak lama juga pause sebab dia tak boleh nak sambung baca. Ada tak tips macam mana untuk mengajar mengaji student macam ni?	Untuk kaedah pengajaran Quran pelajar mild autism, Guru talaqqi dulu , kemudian murid ikut. Pecahkan bacaan kepada unit kecil, Contoh: satu baris → berhenti → puji → baru sambung baris seterusnya. Mulakan dengan bahagian yang dia pasti boleh baca dan bila berjaya baca, beri pujian segera (“Bagus! Alhamdulillah, betul bacaan kamu” untuk membina keyakinan sebelum masuk ke bahagian yang lebih sukar. Elakkan perkataan “salah” atau “tak betul”, gantikan dengan “kita cuba semula”. Kaitkan minat dengan bacaan cth: kalau kamu boleh baca baris ni, kita akan cerita pasal kereta kegemaran kamu. Jika pelajar menangis, bagi dia bertenang seketika dengan ajak dia tarik nafas, minum air, atau dengar bacaan guru dulu sebelum sambung baca.
9	Kaedah pengajaran Quran bagi pelajar yang ada simptom Disleksia	Guru perlu guna teks al-Fatihah yang berwarna-warna hijau utk dengung, warna merah utk mad, purple utk lam qomariyah dsb . Gunakan teknik chunking- pecahkan ayat kepada 3 bahagian (ayat 1-3 (kelas 1, 4-6 (kelas 2) Dan kemudian ayat 7 (kelas 3). Baca potongan ayat demi potongan ayat : alhamdu- lillahi- robbil- alamin . Dan minta pelajar ikut. Buat latihan susun potongan ayat yang dibincangkan tadi sebelum akhiri kelas
	Parents share gambar buku iqra yang anak dia guna tapi tiada versi digital dalam laman web umum	Guru perkenalkan modul asas Qurani yang lebih praktikal digunakan semasa kelas.kerana mengandungi ulangkaji topik terdahulu, teori, latihan serta tilawah surah juzuk 30 kepada parents sebagai alternatif .

	Kaedah pengajaran yang sesuai untuk pelajar lemah dalam hafalan Al Quran. Bacaan semasa surah al-Falaq	Guru Paparkan teks dengan warna berbeza untuk setiap ayat Ayat 1: warna biru, Ayat 2: warna hijau , Ayat 3: warna merah, Ayat 4: warna ungu, Ayat 5: warna oren. 2) Bahagikan ayat kepada 2–3 perkataan. 3) Guru talaqqi dengan pelajar dan Ulang 3-4 kali setiap ayat. 4) Buat latihan bertulis secara digital dan minta pelajar sambungkan teks ayat yang dibincang 5) Uji Hafalan pelajar sebelum akhiri kelas.
--	--	--